

AAGAB 2024

ANUGERAH GURU ARIF BUDIMAN

26 Oktober
The Chevrans



فرسانان گورو مهاس مالاي

Berita Harian



Malay Language Learning
and Promotion Committee

SEKAPUR SIRIH



Encik Mohd Fahmi Aliman
Pengerusi
Majlis Bahasa Melayu Singapura (MBMS)



Dr Mohamad Maliki Osman
Menteri di Pejabat Perdana Menteri; Menteri Kedua
(Kementerian Pendidikan dan Kementerian Ehsan
Luar); dan Pengerusi, Jawatankuasa Pembelajaran dan
Penggalakan Bahasa Melayu



Encik Esfan Rizal Rahwom
Presiden
Persatuan Guru Bahasa Melayu (PGBM)



Encik Nazri Mokhtar
Editor, Berita Harian

Ucapan tahniah kepada para penerima AGAB 2024 daripada badan-badan penyokong AGAB 2024

SEULAS PINANG



Profesor Madya Mukhlis Abu Bakar
Ahli
Majlis Bahasa Melayu Singapura (MBMS)



Encik Abdul Harris Sumardi
Naib Presiden
Persatuan Guru Bahasa Melayu (PGBM)



Puan Salbiah Abas
Ahli
*Jawatankuasa Pembelajaran dan Penggalakan
Penggunaan Bahasa Melayu (MLLPC)*



Encik Puad Ibrahim
Editor Kanan
Berita Harian

SEULAS PINANG

Anugerah Guru Arif Budiman

Pada tahun ini, seramai tiga lagi guru Bahasa Melayu diiktiraf sebagai penerima Anugerah Guru Arif Budiman (AGAB) atas usaha mereka melestarikan dan memajukan bahasa Melayu. Kami yakin bahawa guru-guru ini akan menjadi suri teladan dan sumber inspirasi kepada guru-guru lain serta para pelajar mereka.

Dalam dunia moden serba canggih dan kompleks ini, cabaran yang dihadapi guru amatlah hebat. Selain menerangi minda dan membentuk peribadi para pelajar, guru juga memainkan peranan yang penting dalam perjuangan untuk memartabatkan bahasa dan budaya Melayu. Jasa bakti dan komitmen guru untuk memastikan warisan ini terus kekal dan terpelihara sangat besar dan tidak ternilai.

Pengiktirafan ini bukan sahaja berperanan untuk menjunjung usaha para penerima anugerah ini. Malah, penganugerahan ini memberikan peluang kepada para guru ini untuk melebarkan sayap dalam usaha untuk menganjukkan kedudukan bahasa dan budaya Melayu ke tahap yang lebih tinggi. Semoga anugerah ini menjadi pendorong kepada para penerima AGAB untuk sentiasa menimba ilmu yang bermanfaat dan terus menyumbang kepada masyarakat.

Bunga Alamanda tumbuh di taman,
Daun dianyam berastakona;
Ilmu di dada menjadi pedoman,
Guru menyulam masyarakat berguna.

Setinggi-tinggi tahniah diucapkan kepada para penerima AGAB tahun ini!

ANUGERAH GURU ARIF BUDIMAN

Anugerah Guru Arif Budiman (AGAB) diperkenalkan pada tahun 2007 untuk mengiktiraf sumbangan guru Bahasa Melayu dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu di sekolah. Dengan usaha dan iltizam yang tinggi untuk melestarikan dan memajukan bahasa, sastera dan budaya Melayu dalam pendidikan, guru-guru penerima AGAB merupakan suri teladan kepada guru Bahasa Melayu yang lain.

Objektif Anugerah Guru Arif Budiman

Arif Budiman ialah visi pendidikan Bahasa Melayu di Singapura dan anugerah ini bertujuan untuk mencapai objektif yang berikut:

- mengiktiraf guru Bahasa Melayu atas sumbangan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu di sekolah;
- mengiktiraf dan menyokong sumbangan guru Bahasa Melayu melestarikan dan memajukan bahasa, sastera dan budaya Melayu dalam pendidikan; dan
- mengiktiraf guru-guru yang cemerlang sebagai guru teladan dalam memperjuangkan dan memajukan Bahasa Melayu.

TAKRIF AGAB

Takrif 'Arif Budiman'

'Arif Budiman' bermaksud insan berilmu pengetahuan yang berbakti kepada masyarakat. Seseorang yang berciri Arif Budiman mempunyai kekuatan kognitif, moral, emosi dan sosial. Antara ciri-ciri Arif Budiman termasuklah arif atau berpengetahuan tentang bahasa, budaya, nilai dan sastera dan mempamerkan sikap berbudi bahasa serta sentiasa bersedia menabur budi.

Gelar dan Jenis Anugerah

Dua bentuk Anugerah Guru Arif Budiman (AGAB) dalam empat kategori ditawarkan pada setiap tahun, iaitu:

- Anugerah Guru Arif Budiman – Teladan (Sekolah Rendah)
- Anugerah Guru Arif Budiman – Perangsang (Sekolah Rendah)
- Anugerah Guru Arif Budiman – Teladan (Sekolah Menengah/ Prauniversiti)
- Anugerah Guru Arif Budiman – Perangsang (Sekolah Menengah/ Prauniversiti)

Anugerah Guru Arif Budiman Kategori Teladan diberikan kepada guru Bahasa Melayu yang cemerlang dan telah berkhidmat sebagai guru sekurang-kurangnya 10 tahun. Anugerah Guru Arif Budiman Kategori Perangsang pula diberikan kepada guru Bahasa Melayu yang cemerlang dan telah berkhidmat sebagai guru kurang daripada 10 tahun.

SENARAI GURU AGAB

Sejak diperkenalkan pada tahun 2007, seramai 77 guru Bahasa Melayu telah menerima Anugerah Guru Arif Budiman. Mereka ialah:

Tahun		Nama Guru
2007	Mohd Naim Daipi	Elmi Zulkarnain Osman
	Ishak Abdul Latiff	Nur Ashikin Sapri
2008	Salina Hussin	Sazali Sahri
	Mohd Khir Sapuan	Abdul Malek Ahmad
2009	Halimatussadiyah Jaffar	Aryanti Mohd Mudakir
	Haryati Surana	Noraishah Mostapa
2010	Muliana Mohammad	Hafsah Mohd Kassim
	Nurisham Ismail	Haniza Abdul Manan
	Norashikin Abdul Hamid	
2011	Aryanti Sukaimi	Salha Mohamed Hussain
	Farizan Md Amin	
2012	Safidah Samsudin	Supandi Djoeraemi
	Massuniza Ismail	Muslim Hanafiah
2013	Norwati Sulaiman	Rashidah Rajah
	Rasidah Mohd Rasit	Effendy Ahmadi
	Nazarudin Abdul Bakar	Muhammad Irwan Jamal
2014	Azizah Shaik Abdul Kadir	Ridzuan Abraham
	Zaleha Ahmad	Nuraina Mohamed Sin
	Yahida Yahya	Nurbayah Ismail
2015	Norazlina Abdul Jalil	Nur'Abidah Abdul Rahman
	Nurisha Hamid	Marliana Mohd Rashid

SENARAI GURU AGAB

Tahun		Nama Guru
2016	Norafizah Shariff	Azah Binte Abdul Aziz
	Rashidah Abdullah	Azhar Abdul Rashid Siti Zainab Zainal
2017	Dr. Mohamed Pitchay Gani Mohamed Abdul Aziz	Fauziah Mohamed Ata
	Djohan Abdul Rahman Mohd Jamalludin Mohd Affandi	Nurhiza Mohamed
2018	Rita Zarina Mohd Nazeer	Amirul Asri Hussin
	Roslie Buang Sidik Mohd Zareen Mohd Shariff	Khairyanie Kamsani
2019	Arfah Buang	Muhammed Andi Mohammed Zulkepli
	Siti Mariam Manshor Sabrina Samsuri	Nurhafa Hanem Abdul Azal Norasiken Mohamed Noor
2020	Elna Hussin	Nur Syahirah Sa'adon
		Siti Rohani Hanim Selamat
2021	Manisah Osman	Nor Azlin Abdul Aziz
	Zulhafiz Zainal Mohd Fuad Salim	Shahedah Salim
2022	Mohamad Firuz Jelaludin	Nurul Syakinah Sahak
	Zainaba Omar Irmawati Mascom	Nurul Huda Muhammad Yassin
2023	Noraini Karsani	Hairani Asri
		Nur Amalina Shalan
2024	Hafiza Yahya	Faridah Mohamed Ali
		Siti Aishah Mohamed Kamsani

KATA-KATA MUTIARA PENILAI KATEGORI PERANGSANG

”

Semoga guru-guru AGAB pada tahun ini terus melestarikan bahasa dan budaya Melayu. Saya yakin akan kebolehan guru-guru AGAB untuk menyuntik kesegaran dan keseronokan dalam pembelajaran Bahasa Melayu.

Encik Mohd Fahmi Aliman

”

Guru, dikau inspirasiku. Kata-katamu ibarat madah bernas Luqman yang mengukuh semangat dalam pelayaran. Akan kuselami samudera ilmu buat mencari mutiara-mutiara yang telah dijanjikan kepada mereka yang teguh pendirian.

Dr Norsharil Saat

”

Kuatkan tekad demi perjuangan mendidik anak bangsa. Kata-kata anda akan memperkasakan jiwa anak didik anda. Gerak Bicara, Jiwa Perkasa!

Dr Mohd Aidil Subhan

”

Saya cukup gembira kerana kita masih belum ketandusan guru-guru bermutu tinggi yang layak dikalungkan dengan mahkota AGAB. Mereka ini permata bangsa kita. Panahan sinar mereka memastikan bangsa kita akan terus dapat mencambahkan sinar-sinar baharu demi penakatan bahasa, budaya dan bangsa kita. Semoga kemilaumu terus menyerlah dan memukau generasi masa hadapan.

Encik Daud Yusof

”

Guru seperti pelukis yang mencoretkan kehidupan seorang pelajar. Ilmu dan nilai baik merupakan warna asas yang dapat membentuk keperibadian seorang pelajar supaya menjadi insan berguna pada masa hadapan. Guru insan yang menjadi inspirasi kepada para pelajar. Teruskanlah usahamu untuk mendidik anak didikmu.

Puan Rasidah Rahim

KATA-KATA MUTIARA PENILAI KATEGORI TELADAN

”

Terus perjuangkan pembelajaran dan penghayatan Bahasa Melayu dalam kalangan murid-murid dan juga masyarakat kita di Singapura. Syabas!

Dr Elmie Nikmat

”

Semoga guru-guru AGAB tahun ini terus kukuh menjadi guru misali yang mendidik dan membina anak bangsa dengan budi, kasih sayang dan semangat yang tidak mudah luntur.

Dr Sa'eda Buang

”

Pelajar yang berjaya dalam kehidupan merupakan cerminan seorang pendidik hebat yang sentiasa tekal melengkapkan diri dengan kemahiran, seni dan sains pengajaran.

Puan Norhayati Awang

”

Berpegang teguhlah pada semangat cinta akan bahasa dan budaya, kerana anda penyuluh harapan generasi seterusnya. Jadikan setiap langkah dalam mengajar sebagai teladan, bukan hanya kepada anak didik tetapi juga kepada rakan-rakan seperjuangan. Sumbangan anda dalam memupuk cinta terhadap bahasa ibunda akan memastikan bahasa Melayu terus bersemarak merentasi zaman.

Puan Hanim Mohd Salleh

”

Tahniah! Pengiktirafan ini nyata menunjukkan bahawa usaha dan pengorbanan anda sebagai pendidik cemerlang yang bukan hanya sekadar mengajar tetapi juga membimbing dan memberikan inspirasi kepada generasi masa hadapan. Teruskan berkhidmat dengan ikhlas, penuh kasih sayang dan dedikasi. Semoga anda terus diberkati dalam setiap langkah.

Encik Zafilin Abdul Hamid

JAWATANKUASA PENGANJUR AGAB 2024

Anugerah Guru Arif Budiman 2024 dianjurkan oleh Majlis Bahasa Melayu Singapura (MBMS), Persatuan Guru Bahasa Melayu (PGBM) dan Berita Harian (BH) dengan sokongan Jawatankuasa Pembelajaran dan Penggalakan Penggunaan Bahasa Melayu (MLLPC).

Pengerusi Bersama

1. Dr Mohd Mukhlis Abu Bakar (MBMS)
2. Encik Abdul Harris Sumardi (PGBM)
3. Encik Puad Ibrahim (BH)
4. Puan Salbiah Abas (MLLPC)

Anggota Sekretariat

1. Cik Rita Goh (MBMS)
2. Cik Liyana Nasyita Shukarman (MBMS)
3. Encik Abdul Khalik Saidin (PGBM)
4. Encik Taufik Siniwi (PGBM)
5. Encik Ismail Ja'afar (PGBM)
6. Cik Nurfahruriza Ismail (BH)
7. Puan Noor Azimah Mohd Haad (MLLPC)
8. Puan Murshidah Hassan (MLLPC)
9. Encik Muhammad Asyraf Khalid (MLLPC)

SESI TEH AGAB 2024



PENILAIAN AGAB 2024 PERINGKAT SARINGAN



ARCA AGAB 2024



ARCA AGAB 2024

Pasu seramik ini dihasilkan untuk Anugerah Guru Arif Budiman sebagai penghormatan kepada kebaktian dan semangat pendidik Bahasa Melayu. Setiap pasu telah dihasilkan oleh pelajar yang berbeza dan menggambarkan keunikan dan daya cipta para pelajar dan guru. Bentuk organik pasu ini melambangkan kepelbagaian dan perkembangan perjalanan menimba ilmu. Ia mencerminkan pertumbuhan peribadi yang dipupuk oleh pendidikan.

Helaian dedaun halus pada pasu-pasu ini melambangkan peranan guru sebagai seorang insan yang membimbing anak didiknya dalam usaha menimba ilmu sepanjang hayat. Sepuhan kaca beraneka warna merayakan pelbagai sentuhan guru dalam pendidikan. Ia melambangkan keriangian, semangat dan ilham yang disemai dalam bilik darjah. Pasu ini bukan sebuah karya seni, tetapi juga sebagai satu penghargaan terhadap para guru yang meninggalkan kesan mendalam dalam sanubari pelajar. Ia mengiktiraf para pendidik yang mencetus ilham, membuka cabaran dan menyokong pelajar mereka untuk terus maju.

AGAB 2024

KATEGORI PERANGSANG



Cikgu Sakinah Bte Mohamed Mohsen
Finalis AGAB 2024

Cikgu Nur Syifaa' Bte Hussin
Finalis AGAB 2024

Cikgu Siti Aishah Bte Mohamed Kamsani
Penerima AGAB 2024

Cikgu Faridah Bte Mohamed Ali
Penerima AGAB 2024

AGAB 2024

KATEGORI TELADAN



Cikgu Mohamed Bahari Bin Rajab
Finalis AGAB 2024

Cikgu Nur Umairah Bte Kasmani
Finalis AGAB 2024

Cikgu Norhayati Bte Jidin
Finalis AGAB 2024

Cikgu Hafiza Bte Yahya
Penerima AGAB 2024

DIKAU GURU ARIF BUDIMAN

Dikau Guru Arif Budiman

Nyanyian: Syah Riszuan

Seni Kata: Abdul Harris Sumardi, Tajudin Jaafar dan Zafilin Abdul Hamid

Seni Lagu: Djohan Abdul Rahman dan M Ilyia (Meraqi Studios)

Dikaulah Guru Arif Budiman
Dikau perangsang dikau teladan
Pejuang lestari bahasa
Menjunjung budaya bangsa
Kemudi pelbagai peran
Mencorak masa depan watan

Mengasuh menuntun
Membimbing menghibur
Bijak menyusun, tekun mengatur
(Demi nusa demi bangsa
demi nusa bangsa)

Sumbangan jelas ketara
Perkukuh nilai perkasa minda
Hingga menggapai puncak Sejahtera

Pengorbananmu tanpa jemu
Perjuanganmu jitu sepadu
Dikau Guru Arif Budiman
Aspirasi zaman-berzaman

PENERIMA AGAB 2024

KATEGORI PERANGSANG

CIKGU FARIDAH MOHAMED ALI





Pentas tari merupakan titik permulaan saya menanamkan azam menjadi seorang pendidik Bahasa Melayu. Selepas menamatkan pengajian di NTU-NIE, saya mula mengajar di Sekolah Rendah Fuhua. Selain menjadi seorang guru Bahasa Melayu, saya juga diberikan amanah sebagai Penyelaras Pendidikan Perwatakan dan Pendidikan bagi badan kepimpinan murid. Saya menggalas tanggungjawab untuk membimbing dan memanusiakan para pengawas yang bakal menjadi pemimpin masa

hadapan. Saya juga berusaha untuk mengembangkan pemahaman mereka tentang seorang pemimpin yang berihisan. Hutang emas boleh dibayar, hutang budi dibawa mati. Saya tidak mampu membalas jasa guru-guru dan mentor yang telah membimbing saya selama ini. Mereka telah banyak membentuk peribadi guru pada diri saya. Saya setia menjadi murid mereka.

Pelaut yang ulung tidak lahir di laut yang tenang. Begitu juga seorang guru yang menghadapi pelbagai cabaran dalam menjalankan tugasnya. Selain mengekalkan minat murid terhadap Bahasa Melayu, pembentukan sahsiah murid juga semakin mencabar. Profil murid dari tahun demi tahun semakin berubah. Hal ini memerlukan guru untuk mengenal pasti dan menyesuaikan pengajaran mengikut keupayaan, minat dan kecenderungan murid yang berbeza-beza. Pernah suatu ketika seorang murid yang didiagnosis sebagai hiperaktif menarik tudung saya ketika dia marah kepada rakan sedarajahnya. Dia tidak dapat mengawal emosinya. Hasil daripada bimbingan Cikgu Nuraina, saya mencipta sudut tenang yang dipenuhi dengan bahan-bahan untuk menenangkan emosi murid tersebut. Kini, apabila murid tersebut ternampak saya di sekolah, dia akan memeluk dan beramah mesra dengan saya. Pengalaman tersebut membuatkan saya lebih memahami perwatakan murid yang semakin rencam.

Sebagai seorang guru, banyak pengalaman manis yang terukir bersama anak didik. Bilik darjah merupakan ujana ilmu buat kami. Sering kali, saya cuba menyelitkan pantun, syair dan sajak dalam pengajaran saya untuk memperkenalkan murid-murid sekolah rendah dengan kesusasteraan Melayu. Masih segar dalam ingatan, saat seorang murid melangkah ke hadapan pada Hari Guru untuk mendeklamasikan sajak khas buat saya.



Kau selalu membimbingku
Saatku lemah, saatku lelah,
Kau tetap di sampingku
Kau membuatku seorang murid yang berilmu
Segala didikanmu
Dijalankan dengan penuh keikhlasan
Kau telah mendidiku dengan penuh bersemangat tanpa jemu
Cikgu, aku menyusun sepuluh jari
Memohon ampun dan maaf
Atas segala kesilapanku
Dengan itu, Selamat Hari Guru,
Kuucapkan kepadamu

Ilmu pelita hidup, budi pekerti hiasan diri. Saya berdoa agar terus dianugerahi kesihatan dan dikurniakan kudrat untuk menyemai benih ilmu dan budi pekerti pada diri generasi masa hadapan, terutama sekali buat golongan ratna yang mempunyai aspirasi mencipta sejarah. Tentunya, tangan yang mengayun buaian mampu menggoncangkan dunia.



Pengertian Arif Budiman

Akal pemikir, mencipta harapan
Raih ilmu mercu perjuangan islah
Ilham menerangi jiwa yang mendamba
Fitrah seorang Arif, berbudi tanpa alpa

Budi pekerti, tersemat di sanubari
Usaha gigih, tiada jemu menyemai bakti
Dakwanya lembut, menghulur tangan
Inspirasi menerangi setiap langkah

Maslahat manusia, tumpuan murni
Amanah dipikul, digalas dengan suci
Nilai seorang Budiman, mengarifkan diri,
Menjadi cahaya, membimbing insani



PENERIMA AGAB 2024

KATEGORI PERANGSANG

CIKGU SITI AISHAH MOHAMED KAMSANI



Sebagai seorang guru Bahasa Melayu, perjalanan kerjaya saya setakat ini sering kali dipenuhi dengan pelbagai pengalaman yang menarik. Sebelum saya menjadi seorang guru bahasa Melayu, saya merupakan seorang pendidik pra-sekolah yang hanya mengajar Bahasa Inggeris kepada anak-anak kecil yang berusia 3 hingga 6 tahun. Apabila saya menyahut cabaran untuk mengajar golongan remaja, ini membuka ruang untuk saya meningkatkan pelbagai kemahiran. Saya mula mempelajari dan menguasai kaedah pengajaran yang lebih efektif. Gaya pengajaran saya di kelas harus diubah suai untuk mengikut tahap kemampuan pelajar. Saya banyak menggunakan alat bantu mengajar seperti aplikasi teknologi, bahan sastera, dan modul-modul interaktif untuk memupuk minat pelajar dalam subjek Bahasa Melayu.

Salah satu cabaran yang saya hadapi adalah dalam menangani pelajar yang kurang berminat untuk



mempelajari Bahasa Melayu. Ini merupakan satu cabaran yang wujud hingga kini. Saya sering kali berhadapan dengan pelajar-pelajar yang tidak faham akan kepentingan untuk mempelajari bahasa Melayu. Pada mereka, bahasa ibunda tidak dapat membentuk perwatakan mereka sebagai individu. Di sinilah tercetusnya hasrat untuk bekerja keras supaya saya dapat memupuk minat itu dalam diri anak didik saya. Selain itu, saya juga menghadapi cabaran untuk mengurus dan membahagikan masa untuk memeriksa kertas peperiksaan, melaksanakan aktiviti kokurikulum dan mengikuti perkembangan terkini dalam bidang pendidikan. Semua cabaran yang sayaalui ini telah mendewasakan saya sebagai pendidik Bahasa Melayu di sekolah.

Satu detik manis yang tidak dapat saya lupakan adalah apabila anak didik saya memanggil saya Ibu di hadapan kelas untuk menanyakan sesuatu. Pada masa itu, saya sedang mengajar pelajar-pelajar saya cara menjawab

soalan pemahaman. Pelajar tersebut tidak perasan bahawa dia telah mengujarkan panggilan itu kepada saya. Ramai lagi anak didik saya menganggap saya sebagai ibu mereka di sekolah. Sering kali, anak-anak didik saya suka datang ke kelas awal untuk mengongsi pelbagai cerita. Perkongsian pelajar-pelajar dan ibu bapa tentang pencapaian mereka meraih ijazah selalu membuat saya rasa bersemangat untuk meneruskan perjuangan sebagai pendidik Bahasa Melayu.

Harapan utama saya sebagai seorang guru adalah untuk melihat pelajar-pelajar saya cemerlang dalam bidang akademik dan sahsiah. Selain itu, saya mengharapkan mereka menjadi individu yang berakhlak mulia, bertanggungjawab dan mampu berfikir secara kritis serta kreatif. Semoga saya dapat melahirkan generasi yang berilmu, bijaksana dan mampu menyumbang kepada pembangunan masyarakat dan negara. Bagi saya, pelajar yang berjaya mencapai impian serta matlamat hidupnya merupakan pencapaian terbesar bagi seorang guru. Itu merupakan satu kepuasan yang tidak ternilai.



Pada saya, Arif Budiman itu merupakan seseorang yang bijak, berilmu dan sentiasa berakhlak mulia. Arif merujuk kepada seseorang yang bijaksana, berilmu dan memahami sesuatu perkara dengan mendalam. Penting untuk kita memiliki pengetahuan yang luas dan mendalam serta mampu untuk menyampaikan ilmu dengan cara yang mudah difahami oleh pelajar-pelajar. Budiman pula menggambarkan seseorang yang mempunyai akhlak yang baik, berintegriti dan sentiasa





mempraktikkan nilai-nilai murni dalam kehidupan. Sebagai seorang guru, perlu ada keseimbangan antara keduanya. Pendidikan bukan sekadar mengisi minda pelajar dengan fakta tetapi juga membentuk karakter dan peribadi pelajar secara holistik.

Saya mempunyai seorang pelajar yang dimasukkan ke dalam rumah tumpangan bagi pelajar-pelajar perempuan yang menghadapi masalah. Pada suatu ketika, saya dan rakan kerja saya dibenarkan oleh pihak pengurus untuk menziarahinya. Semasa saya melihatnya, dia terus berlari dan memeluk saya. Dia mula menangis. Sepanjang sesi itu, dia berjanji untuk berubah dan menamatkan pengajian hingga ke peringkat menengah empat. Akhirnya, dia berjaya.

Objek pilihan saya ialah lilin. Seperti lilin, saya percaya bahawa saya mempunyai tanggungjawab untuk menyebarkan cahaya ilmu kepada anak didik saya walaupun sedikit. Lilin yang membakar secara perlahan-lahan tetapi konsisten, sama seperti seorang pendidik yang sabar membimbing anak didiknya sehingga mereka mencapai potensi yang sepenuhnya.

“Kehebatan seorang pendidik bukan hanya pada ilmu yang diajarkan tetapi pada inspirasi yang ditinggalkannya”.

PENERIMA AGAB 2024

KATEGORI TELADAN
CIKGU HAFIZA YAHYA



Setelah tamat pengajian di NTU-NIE, saya mengajar Bahasa Melayu (Program Khas) di Pusat Bahasa Kementerian Pendidikan (MOELC) selama 6 bulan sebelum saya memulakan tugas pendidikan secara rasmi di Institusi Raffles. Di Institusi Raffles, saya mengajarkan Bahasa Melayu Lanjutan dan juga Bahasa Melayu (Program Khas) hampir 8 tahun. Kemudian, saya menyandang jawatan sebagai Ketua Subjek Bahasa Melayu apabila saya beralih ke Sekolah Menengah Fuchun. Sepanjang sedekad di Sekolah Menengah Fuchun, saya mengembangkan portfolio saya sebagai Ketua



Subjek Estetika. Setelah itu, saya diberikan kepercayaan oleh pihak sekolah untuk mendukung jawatan sebagai Ketua Jabatan bagi Aliran Normal Teknikal. Sepanjang waktu itu, saya berperanan dalam merangka dan menyelia kurikulum Bahasa Melayu di sekolah bersama guru-guru lain dalam Jabatan Bahasa Ibunda. Kini, saya merupakan Ketua Jabatan Bahasa Ibunda di Sekolah Menengah Woodlands Ring.

Sepanjang saya mengajar, saya harus berdepan dengan profil pelajar saya yang mempunyai keupayaan yang berbeza-beza dalam pembelajaran Bahasa Melayu. Terdapat pelajar yang sangat mahir dalam Bahasa Melayu dan juga pelajar yang mengalami kesukaran untuk memahami asas-asas bahasa. Perbezaan yang ketara ini menimbulkan cabaran dalam merancang dan menyampaikan pengajaran yang relevan dan berkesan untuk setiap pelajar. Keadaan kelas yang sedemikian merupakan cabaran bagi saya untuk mengekalkan minat pelajar yang lebih mahir tanpa membuatkan pelajar yang kurang mahir rasa terpinggir. Selain itu, saya berasa tercabar untuk mengekalkan standard bahasa yang gramatis dalam kalangan pelajar. Pada masa yang sama, saya menyedarkan para pelajar saya tentang kepentingan menggunakan bahasa Melayu dengan tepat, terutamanya dalam penulisan dan komunikasi secara formal.

Usaha ini menjadi bertambah sukar dengan perkembangan teknologi dan perubahan dalam cara komunikasi di media sosial yang mengakibatkan penggunaan bahasa rojak dan singkatan yang semakin berleluasa dalam kalangan pelajar.

Seorang pelajar yang sebelum ini kurang berminat untuk mempelajari Bahasa Melayu mula menunjukkan minat yang mendalam setelah saya menyesuaikan kaedah pengajaran untuk memenuhi keperluannya. Kejayaan dan pencapaian pelajar ini dalam subjek Bahasa Melayu memberi saya kepuasan sebagai seorang guru. Saya terharu apabila dia memilih saya sebagai individu yang telah memberikan harapan kepadanya untuk terus berusaha. Saya sentiasa berdoa agar dia dapat mencapai aspirasi yang diinginkannya.

Saya berharap generasi muda kita akan terus menghargai dan menggunakan bahasa Melayu yang murni dan kaya dengan nilai-nilai warisan, dalam kehidupan harian mereka. Tugas mengajarkan Bahasa Melayu memberi saya peluang untuk menyemai rasa cinta terhadap bahasa dan budaya Melayu dalam kalangan pelajar-pelajar saya. Selain itu, saya berharap guru-guru akan lebih berinovasi dalam pengajaran mereka. Saya akan terus berusaha untuk memperluas dan memperkaya pengajaran Bahasa Melayu demi memupuk rasa cinta terhadap bahasa dalam kalangan generasi muda.

Bagi saya, Arif Budiman merupakan seorang individu yang dapat memimpin melalui teladan. Beliau dapat menjadi sumber rujukan dan inspirasi kepada pelajar, rakan sekerja dan masyarakat. Seorang guru yang Arif Budiman sentiasa terdorong untuk meningkatkan kemahiran, belajar sepanjang hayat, mengekalkan integriti dan beriltizam untuk mencapai kecemerlangan dalam semua perkara yang diusahakannya.



Saya sentiasa berusaha untuk menunjukkan kerelevanan Bahasa Melayu dalam kehidupan seharian pelajar-pelajar saya. Saya cuba menghubungkaitkan pelajaran dengan situasi sebenar yang dihadapi oleh mereka, sama ada melalui media, isu semasa, atau perbincangan tentang perkara yang dekat dengan hati mereka. Ini membantu mereka untuk melihat nilai praktikal bahasa. Membina hubungan yang positif dengan pelajar amat penting. Dengan sokongan emosi dan akademik



yang berterusan, pelajar lebih cenderung untuk mengekalkan minat dan terlibat dalam pembelajaran yang secara aktif.

Objek pilihan saya ialah Roda Berwarna Newton atau lebih dikenali sebagai

‘Newton’s Colour Wheel’.



Setiap pengalaman pelajar, sama ada di dalam atau di luar bilik darjah, saling berkaitan dan mempengaruhi pembelajaran mereka. Warna-warna yang ada pada roda bergabung, latar belakang, emosi, dan interaksi pelajar memainkan peranan dalam perjalanan pendidikan mereka. Sebagai seorang guru, saya perlu mempertimbangkan perkembangan sosial, emosi, dan kognitif mereka. Oleh itu, saya akan menghasilkan pelajaran yang berkaitan dengan pengalaman hidup mereka.



Selain itu, setiap kelas terdiri daripada pelajar-pelajar yang pelbagai; masing-masing dengan latar belakang, kebolehan, dan perspektif yang unik. Seperti warna-warna yang berputar menjadi satu, pengajaran yang berkesan menyatukan elemen-elemen yang berbeza ini untuk mewujudkan persekitaran pembelajaran yang padu. Landskap pendidikan sentiasa berubah. Saya perlu bersedia untuk menyesuaikan kaedah pengajaran dan mempelajari teknologi baharu mengikut kecenderungan pelajar-pelajar pada hari ini.

“Bukanlah ketampanan wajah yang memuliakan pemuda, jika ketampanan itu tiada dalam perbuatan dan akhlaknya”.

FINALIS AGAB 2024

KATEGORI PERANGSANG

CIKGU NUR SYIFAA' HUSSIN




Saya memulakan perjalanan sebagai seorang guru di sebuah sekolah SAP iaitu Sekolah Tinggi Nan Chiau. Selepas itu, saya menimba pengalaman di CPDD@MOE HQ selama hampir 4 tahun untuk menjayakan program bahasa dan membina bahan daripada peringkat prasekolah hingga ke peringkat maktab rendah mengikut keperluan Unit Bahasa Melayu. Kemudian, saya berpindah ke Sekolah Menengah Ngee Ann.

Sewaktu bertugas di sekolah SAP, saya terpaksa memikirkan pedagogi untuk mengajarkan Bahasa Melayu di peringkat asas dan menyesuaikan dengan kemampuan kognitif pelajar yang bukan penutur jati bahasa Melayu. Cabaran ini membuka peluang bagi saya untuk berkongsi di MOELC dan CPDD. Kini, saya juga melakukan perkara yang sama di Sekolah Menengah Ngee Ann kerana penguasaan bahasa Melayu pelajar-pelajar amat membimbangkan. Setelah merenung panjang, saya berasa cabaran guru-guru Bahasa Melayu sekarang adalah untuk memikirkan cara untuk memikat hati pelajar agar cinta akan bahasa dan budaya Melayu. Saya berharap pembelajaran Bahasa Melayu kembali mekar dan segar dalam kehidupan pelajar melalui pembelajaran di kelas, program dan acara yang boleh dijalankan oleh guru-guru.

Detik paling manis sepanjang perjalanan kerjaya saya adalah sewaktu mantan pelajar Bahasa Melayu Program (Khas) menjemput saya untuk menghadiri majlis penyampaian biasiswa perguruan (MOE Teaching Scholarship). Walaupun saya tidak dapat menghadiri acara tersebut atas sebab tuntutan kerja, saya amat berbesar hati apabila dihubungi bekas pelajar saya iaitu Chong Jiaqi, Joey yang kini bertugas sebagai guru Kimia di Sekolah Menengah Serangoon. Menurut Joey, kehairahan dan semangat saya mengajar di dalam kelas membuatnya terdorong untuk menjadi seorang guru. Ini merupakan satu penghormatan dan pengiktirafan bagi diri saya.

Semenjak bergelar guru, saya berazam untuk menyelamatkan anak didik saya daripada kehilangan bahasa dan budayanya. Saya berharap, para pelajar saya dapat menimba ilmu, memupuk nilai murni dan menjadi pelajar dan manusia yang Arif Budiman demi melahirkan masyarakat yang berakal dan berakhlak. Besar harapan saya sekiranya mereka dapat menyumbang kembali kepada masyarakat.





Pengertian Arif Budiman ialah manifestasi kebijaksanaan dan keelokan budi pekerti yang ditunjukkan oleh seseorang melalui kewibaannya dari segi pemikiran, percakapan dan aspek kehidupan lainnya. Arif Budiman merupakan gabungan akal dan akhlak yang optimum yang kemudiannya disalurkan kepada masyarakat melalui jasa dan bakti.

Pengalaman yang tidak dapat saya lupakan sepanjang kerjaya saya adalah sewaktu saya berpeluang mengikuti rombongan guru-guru kanan/ketua unit Bahasa Melayu ke Melbourne, Australia untuk menjalani kursus khas. Walaupun saya diberikan tanggungjawab untuk menguruskan perkara-perkara pentadbiran, banyak yang saya pelajari daripada mereka termasuk hal-hal pendidikan dan perkongsian pengalaman. Ini semua berharga bagi saya. Pendedahan yang diberikan ini membuat saya berazam untuk mencontohi mereka kerana mereka merupakan guru-guru yang arif lagi budiman.

Objek canting ini menggambarkan pegangan saya sebagai guru. Alat ini mencorakkan kain putih untuk menghasilkan reka bentuk yang mengagumkan. Semakin lama masa yang diperlukan untuk mencorakkan kain itu, semakin cantik hasilnya. Begitulah seorang pendidik yang mencorakkan pengalaman pendidikan pelajarannya. Kesabaran perlu untuk membuahkan hasil yang memuaskan. Semakin





lama saya berkecimpung dalam bidang ini, semakin banyak usaha dan jasa yang dapat saya sumbangkan.

“Perjalanan kita masih panjang. Tanggungjawab semakin berat. Teguhkan semangat dan teruskan perjuangan mendidik anak bangsa”.



FINALIS AGAB 2024

KATEGORI PERANGSANG

CIKGU SAKINAH MOHAMED MOHSEN





Kerjaya saya sebagai seorang guru Bahasa Melayu bermula sejak saya berumur 19 tahun. Sambil menunggu keputusan peperiksaan peringkat 'A', saya telah diberikan peluang untuk mengambil bahagian dalam Program Amali Mengajar (MOE Teaching Internship Programme). Saya mengajar di Sekolah Rendah Chongzheng di bawah bimbingan Cikgu Azizah Bte Shaik Abdul Kadir yang sangat berdedikasi dan selalu berbesar hati untuk berkongsi ilmu. Saya menuntut di NTU-NIE selama 4 tahun dan meraih ijazah Sarjana Muda Sastera (Pendidikan) dengan Kepujian (Distinction). Kemudian, saya memulakan perjalanan sebagai Guru Permulaan di Sekolah Rendah Fern Green. Tahun ini merupakan tahun ketiga saya berkhidmat di sekolah ini.

Salah satu cabaran utama guru Bahasa Melayu adalah untuk memupuk minat para pelajar terhadap Bahasa Ibunda mereka. Tambahan itu, dengan profil pelajar yang semakin rencam, setiap pelajar mempunyai tahap kesediaan yang berbeza. Saya dapat memanfaatkan peranti ICT untuk merangsang minat pelajar melalui aktiviti-aktiviti yang menarik dengan harapan mereka dapat melihat kerelevanan dan merasai keseronokan mempelajari Bahasa Melayu. Saya juga dapat memanfaatkan pendekatan Pengajaran Pembezaan untuk memastikan persekitaran bilik darjah saya inklusif dan dapat memenuhi keperluan setiap pelajar. Saya berazam untuk menyediakan ruang bilik darjah yang aman dan selesa untuk semua pelajar.

Pengalaman manis yang saya ingat sampai bila-bila adalah apabila pelajar-pelajar Darjah 5 menyambut hari lahir saya sewaktu kelas Bahasa Melayu. Saya pernah berkongsi tentang tarikh lahir saya pada awal tahun sewaktu saya mengadakan sesi kenal suai bersama para pelajar. Tanpa saya sedari, para pelajar telah mencatatkan tarikh lahir saya di dalam Student Handbook mereka. Pada hari lahir saya, para pelajar telah menulis ucapan hari lahir di papan putih dan menyanyikan lagu "Selamat Hari Lahir" untuk saya. Mereka semua beratur di hadapan meja guru untuk memberikan hadiah dan kad hari lahir kepada saya. Saya berasa terharu kerana mereka telah meluangkan masa untuk menyambut hari istimewa tersebut bersama saya.



Harapan saya adalah agar anak-anak didik saya berjaya dalam fasa kehidupan mereka yang seterusnya setelah tamat pendidikan sekolah rendah. Saya berharap mereka akan mengingati segala nasihat dan tunjuk ajar yang telah saya kongsi bersama mereka dengan penuh keikhlasan dan kasih sayang. Saya juga berharap mereka dapat menghargai keindahan bahasa Melayu dan akan terus memperjuangkan bahasa dan budaya Melayu. Akhir sekali, saya berharap mereka akan menjadi anak-anak yang arif lagi budiman,



berjasa kepada ibu bapa dan menabur bakti kepada masyarakat.

“Arif Budiman” menggambarkan seorang guru yang cerdas bukan sahaja dari segi intelektual, tetapi juga bijaksana dalam memahami dan menangani masalah sosial, emosional, dan moral yang dialami oleh para pelajar. Guru yang “Arif Budiman” dapat menyokong perkembangan holistik pelajar dengan mempertingkatkan prestasi akademik pelajar serta menyemai nilai-nilai murni dalam diri mereka. Guru yang “Arif Budiman” turut berbakti kepada

masyarakat melalui tanggungjawab mendidik pelapis masyarakat dengan sikap sopan santun dalam setiap pertuturan dan tingkah laku mereka. Hal ini menunjukkan bahawa pengaruh seorang guru yang arif dan budiman dapat melangkaui sempadan bilik darjah.

Pengalaman yang tidak dapat saya lupakan adalah apabila para pelajar saya mengongsikan penghargaan mereka tentang sokongan yang telah saya berikan kepada mereka. Seorang pelajar telah mencetak gambar kami berdua. Dia telah menampal gambar tersebut di almari biliknya. Ibu pelajar tersebut memberitahu saya bahawa anak beliau akan melihat gambar tersebut setiap pagi kerana ia memberikannya motivasi untuk pergi ke sekolah.

Seorang guru diibaratkan seperti lilin yang menyinari jalan bagi para pelajar, walaupun dirinya kadangkala harus berkorban. Ini melambangkan kebijaksanaan, keikhlasan, dan dedikasi seorang guru dalam mendidik anak-anak muridnya tanpa mengharap balasan demi mencerahkan masa hadapan mereka. Kiasan ini berkaitan dengan falsafah pengajaran saya yang berbunyi “Murid yang disayangi di rumah datang ke sekolah untuk belajar, manakala murid yang kurang kasih sayang datang ke sekolah untuk dididik dan disayangi.”

“Setiap pelajar ibarat berlian. Gilaplah mereka dengan kasih sayang dan bimbingan, agar mereka bersinar dengan kecemerlangan”.



FINALIS AGAB 2024

KATEGORI TELADAN

CIKGU NUR UMAIRAH KASMANI



Saya memulakan kerjaya mengajar di Sekolah Rendah Pasir Ris pada tahun 2013 sebagai guru permulaan. Guru peneraju, Cikgu Salina Hussin, telah membimbing saya di sekolah itu. Saya sentiasa meminta maklum balas daripadanya untuk mempertingkatkan mutu pengajaran Bahasa Melayu saya.

Saya juga mempelajari pendekatan dan amalan bilik darjah daripada guru-guru subjek yang lain. Sebagai guru Bahasa Melayu, saya terus meningkatkan kemahiran melalui kursus dan latihan profesional serta mengekalkan kolaborasi dengan guru-guru dari sekolah lain.

Semasa sesi PLT, saya berkongsi strategi berkesan dengan rakan-rakan guru. Kami akan berbincang tentang cara-cara untuk memperbaiki pengajaran agar kami dapat saling bertukar-tukar pandangan.



Pada awal kerjaya saya sebagai guru permulaan, salah satu cabaran utama yang saya hadapi ialah masalah saya untuk menjalin hubungan dengan ibu bapa. Namun, dengan bimbingan dan pengalaman, saya dapat memperbaiki cara untuk bekerjasama dan berkomunikasi dengan ibu bapa. Kesannya, saya berjaya melibatkan mereka dalam pembelajaran mereka.

Cabaran lain termasuk mengajar kelas yang mempunyai profil pelajar yang pelbagai aras kebolehan serta pelajar-pelajar yang kurang mahir bertutur dalam bahasa Melayu. Untuk menangani cabaran ini, saya menggunakan teknik didik hibur dan bercerita. Saya menyokong pembelajaran pelajar melalui pengajaran pembezaan dan memanfaatkan teknologi dalam pengajaran.

Sebuah kenangan manis yang saya ingat adalah apabila saya membantu seorang pelajar yang sedang dibelenggu masalah keluarga. Saya mendengar luahan hati ibu pelajar itu melalui panggilan telefon sehingga hampir tengah malam. Dia mengalami masalah keluarga yang menyebabkan sikap dan prestasi anaknya terjejas. Saya meletakkan diri saya di tempatnya sebagai seorang ibu. Saya turut bersimpati dengannya. Kami bekerjasama dengan kaunselor sekolah untuk membantu anaknya sehingga dia menunjukkan perubahan yang positif. Beberapa tahun selepas pelajar itu tamat pengajian, saya sangat terperanjat apabila ibu pelajar itu mencalonkan saya untuk Anugerah Presiden bagi Guru.



Saya berazam untuk terus menjalankan tanggungjawab sebagai pendidik dengan mencurahkan ilmu dan memupuk nilai murni dalam diri pelajar. Saya ingin melihat pelajar berjaya dalam bidang akademik, mengamalkan sikap bertanggungjawab, beretika, berempati dan berbakti kepada masyarakat. Untuk mencapai matlamat ini, saya akan berusaha untuk menyediakan persekitaran pembelajaran yang menyokong perkembangan holistik pelajar. Ini dapat saya lakukan dengan menggalakkan kemahiran berfikir secara kritis serta memupuk semangat kerjasama dan saling menghormati dalam kalangan mereka.

Saya juga berharap agar saya dapat terus meningkatkan kemahiran sebagai seorang guru dan berkongsi pengetahuan serta strategi dengan rakan-rakan guru dan masyarakat. Harapan saya, agar ilmu itu dapat kita manfaatkan bersama.

Bagi saya, “Arif Budiman” ialah visi yang harus saya amalkan pada setiap hari. Seorang guru yang arif budiman mencintai ilmu dan sentiasa meningkatkan pengetahuannya untuk memberikan yang terbaik kepada pelajar. Dia memastikan pendekatan pengajarannya selaras dengan perkembangan pendidikan dan keperluan pelajar. Ilmu yang diperoleh akan dikongsi dengan orang sekeliling dan masyarakat untuk dimanfaatkan bersama. Walaupun berilmu, dia tetap bersikap rendah diri dan dapat menerima teguran atau maklum balas dengan hati yang terbuka.

Dia juga mempengaruhi orang di sekelilingnya dengan menunjukkan teladan yang baik melalui sikap, akhlak dan pertuturan yang santun. Mereka memperlihatkan kepimpinan melalui tindakan dan kata-kata yang membina, memberikan inspirasi kepada orang lain untuk mencontohi sikap yang mulia.

Saya tidak akan lupakan kenikmatan meraih ilmu daripada Cikgu Salina. Selain mempelajari pelbagai strategi pengajaran terutamanya tentang pengajaran pembedaan, saya juga berkesempatan mengendalikan kelas bersamanya. Beliau ialah mentor yang tegas,





tetapi ikhlas. Beliau akan menelaah rancangan pengajaran saya dan memberikan cadangan untuk penambahbaikan. Sehingga kini, walaupun sudah hampir 12 tahun bertugas sebagai seorang guru, saya masih meminta pandangan dan maklum balasnya. Beliau kini merupakan seorang guru pakar.

Objek yang menggambarkan pegangan saya sebagai seorang pendidik ialah anak panah. Seperti anak panah yang akan sentiasa ditujukan pada sasarannya. Saya akan menyokong pembelajaran para pelajar yang berada pada pelbagai tahap kesediaan supaya mereka dapat mencapai kriteria kejayaan yang saya tetapkan. Setiap kali memanah, belum pasti



anak panah itu terkena pada sasaran. Ia memerlukan latihan dan kesabaran. Seperti itu juga, saya akan terus berusaha untuk membimbing dan memaksimumkan kebolehan mereka.

“Seorang pendidik harus terus belajar dan berkembang; ilmu dan kebijaksanaan tidak pernah statik.”

FINALIS AGAB 2024

KATEGORI TELADAN

CIKGU NORHAYATI JIDIN





Saya memulakan kerjaya di Sekolah Rendah Griffiths (1994-1996). Kemudian, saya bertugas di Sekolah Rendah Admiralty (1997-2004). Pada 2004, saya melanjutkan pengajian di NTU/NIE dan memperoleh Ijazah Sarjana Muda dalam Bahasa dan Kesusasteraan Melayu. Kini, saya mengajar di Sekolah Menengah Evergreen (EVG). Mulai 2010, saya dilantik oleh pihak sekolah sebagai Penyelaras Mentor Sekolah. Saya juga memegang tanggungjawab sebagai koordinator bagi Program (ALP). Pada 2014, saya diberikan tugas sebagai Guru Kanan. Alhamdulillah, saya berpeluang untuk berkongsi ilmu di MOE Excel Fest (2013, 2021) dan Seminar Bahasa Melayu (2013, 2015, 2021). Saya pernah menerima anugerah *Academy Awards for Professional Development 2015 Associate*, *Bronze Innergy Award* (2018), *Commendation Innergy Award* (2022) dan *MOE Service Excellence Award (Silver)* pada 2018.

Bagi Program ALP, saya menghadapi kesukaran mencari vendor yang mahir untuk mengendalikan bengkel komunikasi kerana penyampai sering membuat pembentangan menggunakan bahasa Inggeris. Sebagai seorang guru yang menguruskan CCA Orkestra Cina (CO), cabaran saya adalah untuk menarik pelajar bukan Cina untuk menyertainya. Saya juga harus berkomunikasi dengan tujuh orang jurulatih dari China yang kurang fasih berbahasa Inggeris. Namun, melalui rumah terbuka CCA, saya dapat meyakinkan para pelajar untuk menyertai CCA ini. Sebagai guru yang bertanggungjawab untuk mengenal pasti pelajar yang layak memohon bantuan kewangan FAS, cabarannya adalah menghadapi pelajar dan ibu bapa yang layak tetapi tidak proaktif untuk mendapatkan bantuan walaupun pelbagai saluran informasi telah diberikan oleh pihak sekolah.



Detik manis yang tidak dapat saya lupakan termasuk membantu pelajar cemerlang dalam lisan dan karangan melalui strategi kajian tindakan seperti P3S+-, Kit Karangan Naratif, dan Plot 3K. Pada 2018, pelajar EVG menjadi juara Pertandingan Bahas 4PM. Sehingga hari ini, masih ada bekas pelajar yang masih menghubungi saya. Malahan, semasa Covid-19, saya dijemput ke majlis perkahwinan mereka. Saya juga membentangkan kertas kerja di Persidangan Antarabangsa Pendidikan dan Psikologi 2016 di Universiti Malaysia Sabah. Selain itu, pelajar Melayu CO pernah memegang jawatan penting. Pada tahun 2011, CO pernah mengadakan persembahan di Gala Persidangan Orkid Sedunia Ke-20 dan sumbangan CO dalam Rekod Dunia Guinness 2014 juga menjadi kenangan indah bagi saya.

Sebagai seorang guru, harapan saya adalah untuk kekal relevan dengan perkembangan seperti mengadaptasi teknologi seperti *Key Applications of Technology* (KATs) dalam pengajaran, agar proses pembelajaran menjadi lebih berkesan. Saya juga

Chegg Yati,
Hanya pernah berkata bahawa yang difikirkan oleh kepala murid-muridnya bukanlah ilmu di mata-mata, tetapi budi, persahabatan dan perhatian. Terima kasih kerana mengajar saya, dengan hati yang mulia, selama empat tahun ini. Walaupun sudah pasti saya telah membuat banyak kesalahan, Chegg tetap sabar dan memaafkan saya belajar daripada kesilapan itu. Terima kasih kerana selalu beri motivasi mendengar cerita-cerita kami dan selalu memberi maklum balas yang jujur. Terima kasih kerana memberi saya peluang untuk mengemukakan kemahiran bahasa Melayu saya melalui pertandingan seperti Pena Emas dan Bahasa 4PM. Terutamanya semasa Bahasa 4PM, walaupun amat terkejut kerana saya pernah membahagikan mata saya bahasa Inggeris dan Melayu, saya betul-betul rasa amat seronok dan dapat belajar banyak perkara baharu. Kerennannya, saya amat menghargai jasa Chegg selama ini :)

- Nur Khatizah
4 R.P 2019

Dear Mdm Yati,

I would like to express my heartfelt gratitude for all that you've done for us in our 5 weeks. I am eternally grateful for your guidance and for simply a listening ear when I went through a difficult period. You gave me the assurance and encouragement that I do not take for granted. You guided me and it became a very important learning chapter that I felt was very necessary for me. It has been a great pleasure to have you as the SCM, and I hope that this is not goodbye, but just a see you later! Thank you so much :)

26/7/20

berharap dapat menerapkan Kecekapan Abad ke-21 dengan menyediakan peluang kepada pelajar untuk mengamalkan nilai-nilai murni, berfikir secara kritis, adaptif, dan inventif. Semua ini dapat saya capai apabila pelajar berasa selesa untuk belajar, berkongsi pendapat, dan membuat kesilapan dalam suasana yang selamat. Saya sering mengingatkan pelajar untuk menggunakan dan memartabatkan bahasa Melayu, kerana “Hilang Bahasa, Hilanglah Bangsa”. Harapan saya, mereka menjadi individu yang memberikan manfaat kepada diri sendiri dan orang lain.

Pengertian Arif Budiman bagi saya ialah seseorang yang bijaksana dalam mempertimbangkan sesuatu perkara. Meskipun memiliki ilmu yang mendalam, dia tetap berusaha untuk meningkatkan pengetahuan dan mengamalkan pembelajaran sepanjang hayat agar kekal relevan dan dapat memberikan sumbangan. Seseorang yang Arif Budiman juga mampu mengawal pemikiran, bersikap terbuka kepada tunjuk ajar, dan tidak bertindak secara emosional. Seseorang yang Budiman ialah individu yang baik tutur kata dan perbuatannya serta tidak melakukan perkara yang menjejaskan maruah dirinya atau orang lain. Oleh itu, sifat arif dan budiman berfungsi sebagai kompas, membimbing seseorang untuk membuat keputusan yang bijak dan berhemah.

Saya berpeluang bekerja dengan seorang guru yang berwibawa dan efisien. Beliau sentiasa memberikan yang terbaik untuk keluarga dan pelajar. Namun, beliau sering menunda pemeriksaan kesihatannya. Akhirnya, beliau didiagnosis dengan barah usus tahap tiga. Walaupun berada dalam keadaan semakin lemah, beliau tetap berusaha untuk hadir ke sekolah. Beliau dihormati dan disayangi oleh rakan sekerja dan para pelajar. Beliau meninggal dunia pada 10 Januari 2011 iaitu pada hari keputusan Peperiksaan GCE Peringkat ‘O’ diumumkan. Pada pagi itu, beliau masih sempat bertanya kepada saya tentang para pelajarnya.

Objek yang menggambarkan pegangan saya sebagai pendidik ialah kunci. Kunci ini melambangkan alat untuk membuka potensi yang tersembunyi dalam diri pelajar, melalui peluang, sokongan, dan ilmu pengetahuan. Setiap pelajar memiliki kunci kejayaan mereka sendiri. Tugas saya adalah untuk membantu mereka menemukan kunci yang tepat untuk membuka pintu kejayaan. Apabila berdepan dengan pelajar yang menghadapi kesulitan, saya percaya mereka belum menemukan pintu yang sesuai. Oleh itu, saya berperanan untuk membimbing mereka untuk mencapainya.

“Jangan lakukan perkara yang kita tidak mahu orang lain lakukan kepada kita.”



FINALIS AGAB 2024

KATEGORI TELADAN

CIKGU MOHAMED BAHARI RAJAB



Saya memulakan kerjaya saya di Sekolah Rendah Telok Kurau. Saya sangat beruntung kerana mendapat tunjuk ajar dan perkongsian pengalaman daripada 13 orang guru Bahasa Melayu yang mapan di sana. Namun, pada akhir tahun 2014, pengetua memaklumkan bahawa beberapa guru terpaksa berpindah kerana tenaga pengajar di sekolah itu melebihi kuota. Beliau memberitahu bahawa kami perlu mengajar di mana-mana sekolah yang kekurangan guru. Saya dipindahkan ke Sekolah Rendah Dazhong. Walaupun profil pelajar-pelajar di Sekolah Rendah Dazhong serupa dengan Sekolah Rendah Telok Kurau, cabaran yang saya hadapi sangat berbeza. Jumlah guru di sekolah itu tidak ramai. Hanya ada 2 kelas Bahasa Melayu untuk setiap peringkat. Saya mula belajar menggunakan kaedah pembelajaran pembezaan di dalam kelas.

Antara cabaran-cabaran yang saya hadapi ialah menarik minat para pelajar menggunakan bahasa Melayu. Melalui pemerhatian saya, ramai dalam kalangan pelajar saya tidak cenderung berbahasa Melayu atas sebab ketidakfasihan mereka dalam bahasa tersebut. Untuk menangani situasi ini, saya telah menjalankan pembelajaran interaktif agar pelajar tergalak untuk bertutur dalam bahasa Melayu ketika mereka mengikuti pelajaran di bilik darjah. Walaupun kemajuan mereka agak perlahan, saya tidak berputus asa dan meneruskan usaha saya agar mereka dapat menguasai bahasa Ibunda mereka.

Selain itu, bahan sokongan pembelajaran seperti video susah untuk saya dapatkan di Internet kerana kebanyakannya kurang sesuai. Murid-murid lebih gemar menonton video-video pendek kerana terpengaruh dengan video-video ringkas yang ditonton di media sosial.



Akhir sekali, cabaran untuk menangani murid berkeperluan khas (SEN). Walaupun saya mempunyai pengalaman mengajar selama 15 tahun, adakalanya saya harus berfikir dengan pantas apabila berhadapan dengan murid-murid yang terganggu emosinya.

Detik-detik manis sebagai seorang guru ialah pertama, saya berjaya membimbing 4 orang pelajar untuk menjadi finalis pada peringkat akhir dalam rancangan Kuiz Cepat Tepat pada tahun ini.

Kedua, saya berpeluang untuk menulis buku cerita bagi siri Nabil Nabilah. Proses penerbitan buku sangat menarik kerana saya dapat melakarkan papan cerita, bekerjasama dengan pereka visual dan terlibat dalam proses penyuntingan.

Akhir sekali, keterlibatan saya dalam Simposium Bahasa Melayu. Saya berbesar hati melihat ibu bapa dan murid-murid daripada bangsa lain bersemangat untuk mencuba permainan di reruai sekolah saya.



Saya ingin menjadi seorang guru yang bukan sahaja dapat meningkatkan intelek murid, malah, membentuk keperibadian mereka. Saya mahu menunjukkan kepada murid bahawa pembelajaran berlaku sepanjang masa. Adakalanya kesilapan yang berlaku itu boleh dijadikan iktibar buat mereka.

Guru membentuk insan yang menjadi peneraju masa hadapan. Saya mahu menjadi guru yang membimbing murid mengenal jati diri mereka. Saya juga mahu mereka untuk berbangga dengan warisan kebudayaan dan ketamadunan Melayu yang setaraf dengan bangsa-bangsa lain.

Saya ingin menjadi seorang guru yang cinta akan ilmu dan sering berkongsi ilmu tersebut kepada teman-teman seperjuangan dan murid-murid. Dengan usaha-usaha seperti penerapan AI dalam pembelajaran, ini dapat memartabatkan lagi bahasa Melayu.

Seorang guru yang Arif lagi Budiman merupakan cerminan kepada keperibadian dirinya sendiri. Guru yang arif sentiasa mendahagakan ilmu dan dapat menjadi inspirasi kepada anak didiknya serta teman-



teman guru yang lain. Guru yang budiman dapat menonjolkan budi pekerti yang baik dalam apa-apa jua keadaan.

Guru itu juga menyemai rasa cinta dan penghargaan terhadap bahasa dan budaya Melayu mengikut konteks masa kini. Zaman berubah tetapi intipati dalam bahasa dan budaya Melayu tetap sama.

Guru itu harus menangani isu-isu kontemporari yang berlaku dalam masyarakat bagi menarik rambut



dalam tepung; rambut jangan putus, tepung jangan berselerak.

Saya mengajar 6 orang pelajar aliran Melayu Asas pada tahun 2020. Dalam kelas itu ada sepasang adik-beradik dan salah seorang daripada mereka merupakan murid yang terpaksa mengulang PSLE.

Awalnya, apabila diajar seperti biasa, mereka langsung tidak menunjukkan minat dan adakalanya tertidur. Namun, setelah berbual dan memahami isi hati mereka, barulah pelajaran dapat dijalankan. Mereka sangat berminat dengan lagu-lagu Melayu. Mereka memperkenalkan lagu-lagu yang belum pernah saya dengar. Dari situ, hubungan kami semakin akrab.



Pena menggambarkan pegangan saya sebagai seorang guru. Kata-kata yang tertulis mampu menembusi hati yang keras. Kata-kata semangat yang saya tulis dalam lembaran kerja mampu menyuntik rasa cinta, minat dan semangat untuk belajar dengan gigih. Pena digunakan untuk mereka memberikan maklum balas bagi memperkasakan murid.

Pena melambangkan kreativiti yang membolehkan murid dan guru untuk mengekspresikan pemikiran dan pemahaman mereka. Setiap ayat yang dituliskannya, setiap gambar yang dilukiskannya akan memperkayakan lagi pengalaman pembelajaran yang dilaluinya.

“Pena kita yang menari-nari mampu menggerakkan naluri murid agar mempercayai keupayaan dan potensi diri”.

TAKLIMAT FINALIS AGAB 2024



PENILAIAN PERINGKAT AKHIR AGAB 2024



TENAGA KERJA AGAB 2024



Puan Noor Azimah Mohd Haad (MLLPC)



Puan Murshidah Hassan (MLLPC)



Encik Muhammad Asyraf Khalid (MLLPC)



Cik Nurfahruriza Ismail (BH)

TENAGA KERJA AGAB 2024



Encik Taufek Siniwi (PGBM)



Encik Ismail Ja'afar (PGBM)



Encik Abdul Khalik Saidin (PGBM)



Cik Liyana Nasyita Shukarman (MBMS)



Cik Rita Goh (MBMS)

MENJUNJUNG BUDI

Jawatankuasa Penganjur AGAB 2024 merakamkan jutaan terima kasih dan penghargaan kepada panel penilai peringkat akhir. Jutaan terima kasih dan penghargaan juga dirakamkan kepada pengetua serta kakitangan Sekolah Rendah Punggol Green.

Encik Mohd Fahmi Aliman
Datuk Bandar, Daerah Tenggara
Pengerusi, Majlis Bahasa Melayu Singapura (MBMS)

Dr Elmie Nekmat
Profesor Madya, Fakulti Kesenian dan Sains Sosial, NUS

Dr Norshahril Saat
Fellow Kanan & Penyelaras, Program Pengajian Sosial dan Budaya Serantau (RSCS) -
Institut Yusof Ishak

Dr Mohd Aidil Subhan Mohd Sulor
Pensyarah Kanan, Kumpulan Akademik Bahasa dan Kebudayaan Asia, NIE

Dr Sa'eda Buang
Pensyarah Kanan, Kumpulan Akademik Bahasa dan Kebudayaan Asia, NIE

Encik Daud Yusof
Timbalan Pengarah & Penyiar Kanan, BERITA Mediacorp

Puan Hanim Mohd Salleh
Editor Bersekutu, Berita Harian, SPH

Puan Rasidah Rahim
Pengetua, Sekolah Menengah Clementi Town

Puan Norhayati Awang
Pengarah Pusat, Pusat Bahasa Melayu Singapura (MLCS)

Encik Zafilin Abdul Hamid
Naib Pengetua, Sekolah Rendah Sembawang

MENJUNJUNG BUDI

Jawatankuasa Penganjur AGAB 2024 merakamkan jutaan terima kasih dan penghargaan kepada panel penilai peringkat saringan.

Dr Kartini Anwar
Pensyarah Kanan, Kumpulan Akademik Bahasa dan Kebudayaan Asia, NIE

Dr Suryani Atan
Fellow Pengajar, Kumpulan Akademik Bahasa dan Kebudayaan Asia, NIE

Encik Syed Faisal Syed Ismail
Naib Pengetua, Sekolah Menengah Canberra

Encik Adam Ahmad
Naib Pengetua, Sekolah Menengah Hillgrove

Puan Rezina Khan
Naib Pengetua, Sekolah Rendah White Sands

Puan Siti Suhaila Sapihe
Naib Pengetua, Sekolah Rendah West View

Encik Rahmat Subadah
Guru Pakar, Pusat Bahasa Melayu Singapura, MOE

Puan Siti Faridah Omar
Guru Pakar, Pusat Bahasa Melayu Singapura, MOE

Encik Rohan Nizam Basheer
Yang Dipertua, Kesatuan Guru-Guru Melayu Singapura (KGMS)

Puan Asnah Asrap
Ahli, Persatuan Guru Bahasa Melayu Singapura (PGBM)

MENJUNJUNG BUDI

Jawatankuasa Penganjur AGAB 2024 mengucapkan terima kasih kepada individu berikut:

Encik Tajudin Jaffar - Pakar Utama, MOE

Cik Siti Fazila Ahmad - Pakar Peneraju, MOE

Puan Salina Saiman - Pakar Kanan, MOE

Puan Rina Kesumawati Mizzy Ahmad – Pakar Kanan, MOE

Puan Pairah Satariman - Pegawai Projek, MOE

Ilham dan Karya Arca AGAB 2024

Cik Claris Ang Gian Yi dan Cik Nicole Chou Zi Ning–
Guru-guru Sekolah Menengah Westwood

Para pelajar Sekolah Menengah Westwood

Chong En Qi Lucas

Nur Syafina Binte Yasser Araffat

Nurin Batrisyia Binte Khamis

Zipagan Karl Joseph Alarcio

Pang Yu Zhi

Iffah Rahilah Binti Muhammad Imran

Chloe Chong Ying Xuan

Joyce Low

MENJUNJUNG BUDI

Penulis dan Pembaca Watikah



Cikgu Nurul Huda Muhammad Yassin

Dr Zainaba Omar

Cikgu Irmawati Mascom

Pengacara



Puan Zauwiyah Majid

Cikgu Amirul Asri Bin Husin

Admin dan Eksekutif Media Sosial



Cik Khadijah Johar

Kami juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan penganugerahan AGAB 2024.

